

29 MAR 1997

MAHATHIR PULANG DARI JEPUN

KUALA LUMPUR, 29 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pulang ke tanahair malam ini dari Nagoya, Jepun, selepas menamatkan lawatan rasmi lima hari ke negara itu bagi mengukuhkan hubungan dua hala dan ekonomi.

Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali disambut di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi, yang mengiringi Dr Mahathir dalam lawatan itu, tiba lebih awal dengan penerbangan lain.

Semasa lawatannya ke Jepun, Perdana Menteri menghadap Maharaja Akihito dan Maharani Michiko serta menemui rakan sejawatannya Ryutaro Hashimoto.

Dr Mahathir juga melawat Osaka, Fukuoka di selatan pulau Kyushu dan Nagoya sebelum berlepas ke Kuala Lumpur.

Perdana Menteri mengadakan lawatan rasmi pertama ke Jepun pada 1983. Beliau membuat tiga lawatan tidak rasmi ke Jepun tahun lepas.

-- BERNAMA

TM NAK